

29 JAN 2002

Mahathir-Minda

BANGSA MELAYU PERLU BUKA MINDA UNTUK AKUI KELEMAHAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata masyarakat Melayu Islam perlu mempunyai minda yang terbuka untuk mengenal pasti dan mengakui kelemahan pada diri sendiri.

Perdana Menteri berkata masyarakat Melayu Islam juga perlu mengenal pasti apa yang perlu diubah dan diamalkan untuk mendapatkan manfaat daripada minda yang terbuka.

"Pendekatan dan kemampuan untuk menilai antara yang baik dengan yang buruk perlu menjadi kebolehan yang ada pada orang Melayu Islam," katanya semasa menyampaikan ucap perdana pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam menilai sifat-sifat yang ada pada diri sendiri, tidak ada tempat bagi perasaan malu mengenai kelemahan diri dan kesombongan yang tidak berasas.

Setelah mengenal pasti kualiti yang lemah yang ada pada diri sendiri, masyarakat Melayu Islam juga tidak harus malu untuk menerima dan mengamal nilai yang ada pada orang lain, walaupun mereka daripada kaum dan bangsa yang kurang disenangi, katanya.

Perdana Menteri berkata minda yang terbuka bagi masyarakat Melayu Islam hendaklah terbuka kepada yang benar dan nyata.

"Yang benar dan nyata sekarang ini ialah kedaifan orang Melayu Islam dan ketidakmampuan mereka. Yang benar dan nyata ialah di negara sendiri kita terpaksa bergantung kepada kaum lain untuk membangun memperkayakan negara kita, dan banyak urusan dalam masyarakat dirancang dan dilaksanakan oleh kaum lain," katanya.

Beliau berkata daripada segi hubungan antarabangsa yang benar dan nyata, Melayu Islam tidak dapat mendirikan negara yang dapat membantu dan menolong menyelamatkan orang yang tertindas dan daif, terutama umat Islam dan banyak lagi kelemahan orang Melayu Islam dalam menangani hubungan antarabangsa.

Minda yang terbuka ialah satu sikap baik yang perlu dimiliki oleh orang-orang Melayu Islam.

"Yang benar dan nyata harus diakui walaupun pedih dan yang benar dan nyata harus memandu pemikiran yang terbuka dan akhirnya, perubahan yang diterima hendaklah menghasilkan nikmat tanpa menghilangkan identiti bangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata minda orang Melayu adalah berkait rapat dengan minda Islam kerana Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam.

Bagaimanapun, katanya, yang mempengaruhi orang Melayu Islam bukanlah agama semata-mata kerana orang Melayu mempunyai budaya tersendiri iaitu sistem nilai hidup yang tidak diasaskan kepada agama Islam.

Beliau berkata sesuatu yang terdapat pada orang Melayu dahulu dan yang masih ada pada mereka sekarang ialah kegemaran kepada perkara yang mudah sehingga menyebabkan apa yang dimiliki mereka tergadai.

"Apabila dijanji oleh saudagar Cina, kutipan cukai yang tinggi dan tetap, raja-raja Melayu memberi monopoli cukai dan penjualan candu kepada saudagar-saudagar Cina.

"Kemudian datang British yang berjanji dengan menggunakan nasihat mereka, pentadbiran negeri Melayu akan lebih tertib dan pencen tetap serta kemudahan hidup yang luar biasa akan dinikmati oleh raja Melayu.

"Dengan janji ini, kuasa penuh diberi kepada penjajah untuk mentadbir

mengikut kehendak mereka dan kehidupan menjadi lebih mudah tetapi negeri tergadai," katanya.

Dr Mahathir berkata sikap itu masih berterusan sehingga ada orang Melayu mudah menjual kemudahan perniagaan yang diperolehi daripada kerajaan daripada memanafaatnya sendiri.

Beliau berkata minda Melayu Islam sebenarnya sudah terbuka tetapi kebanyakan yang memasuki minda terbuka ini adalah yang tidak membina.

Beliau memberikan contoh bahawa asas Islam adalah amat mudah tetapi ada orang yang suka menokok tambah pelbagai syarat sebelum seseorang yang sudah Islam diterima sebagai orang Islam.

Sebaliknya, beliau berkata jika pemikiran terbuka membolehkan Melayu Islam menerima ajaran Islam yang mengambil kira keadaan yang berubah sepanjang masa maka orang Islam tidak akan ketinggalan zaman.

"Hanya berkenaan memahami Fardu Ain dan Fardu Kifayah serta sunat dan wajib, minda yang terbuka pun boleh menjadikan Islam sesuai untuk semua zaman dan tamadun," katanya.

Dr Mahathir memberikan contoh terdapat ibadat lain seperti kiamuliaail, tazkirah, kuliah subuh dan lain-lain diwajibkan sehingga menjadi penghalang kepada penguasaan ilmu dan kemahiran serta kerja yang penting kesejahteraan dan keselamatan umat Islam.

Minda yang terbuka ialah memberi penghargaan kepada mereka yang mempelajari sains dan teknologi, memperkayakan masyarakat Islam serta mencipta dan mengeluarkan senjata moden yang mampu menyelamatkan umat Islam.

Perdana Menteri berkata pemikiran yang tertutup mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain ialah mereka yang berpelajaran agama khuatir kalau-kalau akidah orang Islam menjadi lemah atau pengaruh mereka terhakis jika ilmu pengetahuan lain dipelajari.

Demikian juga jika orang Islam terlalu bebas memikir dan menggunakan logik, keyakinan kepada kepercayaan agama akan lemah.

"Inilah keadaan yang terdapat dalam masyarakat Melayu Islam sekarang. Terpengaruh dengan ajaran pihak tertentu, mereka tidak dapat memikir dan menilai keadaan di sekeliling mereka sedangkan keadaan di sekeliling mereka sudah berubah secara radikal," katanya.

-- BERNAMA

HS MFJ PR